



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Bilangan 8/2021**

---

**PENYEMPURNAAN SURATCARA-SURATCARA**

---

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
Putrajaya  
2021**

**© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2021**

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

**Maklumat Dokumen**

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 8/2021
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	<a href="mailto:bdk@jkptg.gov.my">bdk@jkptg.gov.my</a>
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

**Kawalan Versi Dokumen**

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

## **PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BILANGAN 8/2021**

### **Penyempurnaan Suratcara-suratcara**

#### **TUJUAN**

Pekeling ini bertujuan untuk menasihati semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pentadbir Tanah berhubung tindakan penyempurnaan suratcara-suratcara urusan oleh tuan tanah berdaftar atau orang-orang berkepentingan terhadap tanah tersebut.

#### **PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

2. Semua suratcara-suratcara urusan di bawah Kanun Tanah Negara (Disemak-2020) [Akta 828] disempurnakan selaras dengan peruntukan seksyen 210 Akta 828. Subseksyen 210 (1) menyatakan bahawa suratcara-suratcara boleh disempurnakan oleh setiap pihak berkepentingan atau pihak berkepentingan yang memberikan kebenaran, atau mana-mana individu melaksanakan tanggungjawab bagi sesuatu pihak melalui surat kuasa wakil, atau mana-mana perundangan bertulis yang membenarkan atau melalui perintah mahkamah.
3. Subseksyen 210 (2) memperuntukan bahawa penyempurnaan sesuatu suratcara oleh seorang individu perlulah dilakukan melalui tandatangan individu tersebut atau menurunkan cap jarinya di atas suratcara tersebut dan bukan kedua-duanya sekali. Subseksyen 210 (3) pula memperuntukan bahawa apa-apa surat cara yang disempurnakan oleh mana-mana Perbadanan (secara kumpulan atau tunggal) perlulah selaras dengan kehendak perlembagaan syarikat atau pertubuhan atau seperti dinyatakan oleh mana-mana perundangan yang masih berkuat kuasa. Subseksyen 210 (3) juga menerangkan bahawa mana-mana Perbadanan boleh menggunakan meteri syarikat atau pertubuhan dan sesuatu perakuan daripada Setiausaha atau mana-mana pegawai tetap atau ahli lembaga pengarah atau jawatankuasa, majlis atau apa-apa pihak berkuasa Syarikat atau Perbadanan yang menyatakan bahawa meteri syarikat tersebut diturunkan dihadapan mereka. Dalam subseksyen 210 (4) dijelaskan bahawa suatu penandaan dalam suratcara bukan dikira sebagai menandatangani suratcara tersebut.
4. Bagi mengukuhkan kesahihan penyempurnaan sesuatu suratcara itu dilaksanakan oleh seorang individu, seksyen 211 memperuntukan penyempurnaan tersebut diakusaksi oleh pegawai-pegawai yang disenarikan dalam Jadual Kelima Akta 828. Bentuk pengakusaksian dalam suratcara adalah dengan menggunakan Borang 13B selaras dengan peruntukan subseksyen 211(2). Dalam Borang 13B para pegawai yang membuat pengakusaksian penyempurnaan suratcara oleh individu

perlu dilakukan dihadapan pegawai-pegawai yang disenaraikan dalam Jadual Kelima tersebut. Pengecualian pengakusaksian bagi individu-individu yang dimaksudkan dalam proviso subseskyen 211(1) yang menyempurnakan suratcara-suratcara. Pengakusaksian di bawah seksyen 211 tidak diperuntukan bagi mana-mana suratcara-suratcara yang disempurnakan oleh mana-mana perbadanan atau syarikat.

5. Para Pengarah Tanah dan Galian dan Pentadbir Tanah perlu mengambil perhatian bagi memastikan individu-individu atau pihak yang menyempurnakan suratcara bagi mana-mana pihak lain perlu secara jelas mengemukakan dokumen surat kuasa wakil atau peruntukan perundangan yang masih berkuatkuasa atau mana-mana perintah mahkamah yang menyatakan nama individu atau pihak yang menyempurnakan suratcara tersebut. Nama penyempurnaan suratcara juga perlu dicatatkan dalam suratcara tersebut bagi membolehkan suratcara tersebut ada sah untuk didaftarkan. Bagi pihak yang melaksanakan suratcara bagi pihak perbadanan perlu menyatakan secara jelas nama pihak atau pegawai yang akan menyempurnakan suratcara dalam suratcara tersebut dan dibekalkan resolusi syarikat atau mana-mana perakuan.

## **PEMBATALAN**

6. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 8 Tahun 1976 (Disemak 2009) bertajuk Penyempurnaan Sesuatu Suratcara Urusan adalah dibatalkan.

## **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA**

7. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 23 Tahun 2009 bertajuk Tarikh Penyempurnaan Sesuatu Suratcara Untuk Tujuan Pungutan Bayaran Pendaftaran Lewat.

8. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri serta berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.



**(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)**  
**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**

No. Fail : JKPTG/950/100-1/7/1Jld.6 (11)

Tarikh : **31** Disember 2021